



**Maybank**  
Islamic



**Maybank**

### Kempen Simpan & Menang Bersama-sama - Terma & Syarat

1. “Kempen Simpan & Menang Bersama-sama” (“**Kempen**”) bermula pada 1 Februari 2022 dan tamat pada 30 Jun 2022 (termasuk kedua-dua tarikh), melainkan diberitahu sebaliknya (“**Tempoh Kempen**”).
2. Kempen ini dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (196001000142) dan Maybank Islamic Berhad (200701029411) (“**Maybank**” secara kolektif) dan tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-Syarat berikut (“**Terma dan Syarat**”).
3. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak (rujuk Klausa 4) bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat ini dan segala keputusan yang dibuat oleh Maybank berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat.

### Kelayakan

4. Kempen ini adalah terbuka kepada semua pemegang akaun Maybank baharu dan sedia ada (yang terdiri daripada pemegang akaun individu dan akaun bersama) (“**Pelanggan Yang Layak**”) daripada senarai akaun yang mengambil bahagian berikut (“**Akaun Penyertaan**”):

Akaun Konvensional	Akaun Islamic
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Maybank2u.Premier (“<b>M2u.Premier</b>”)</li> <li>• Maybank2u Savers (“<b>M2u Savers</b>”)</li> <li>• Kawanku Savings Account (“<b>Kawanku</b>”)</li> <li>• Basic Savings Account (“<b>BSA</b>”)</li> <li>• Personal Saver Account (“<b>PSVR</b>”)</li> <li>• Golden Savers Savings Account (“<b>GSSA</b>”)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Zest-i</li> <li>• Maybank2u Savers-i (“<b>M2u Savers-i</b>”)</li> <li>• Savings Account-i (“<b>SA-i</b>”)</li> <li>• Basic Savings Account-i (“<b>BSA-i</b>”)</li> <li>• Personal Saver-i Account (“<b>PSVR-i</b>”)</li> <li>• Golden Savvy Account-i (“<b>GSA-i</b>”)</li> </ul>
<p>Maybank &amp; Maybank Islamic adalah ahli PIDM. Perlindungan PIDM adalah tertakluk kepada kriteria kebolehinisuransan. Sila rujuk senarai deposit yang diinsuranskan di <a href="http://www.maybank2u.com.my">www.maybank2u.com.my</a> untuk maklumat lanjut.</p>	

5. Bagi akaun bersama, hanya pemegang akaun utama sahaja akan dianggap sebagai Pelanggan Yang Layak.
6. Semua kakitangan Maybank tidak layak menyertai Kempen ini.

### Kriteria Kelayakan & Mekanisma Kempen

7. Untuk melayakkan diri dalam cabutan hadiah Kempen ini, Pelanggan Yang Layak mesti memenuhi kriteria yang berikut:
  - i. Membuka/Memegang mana-mana Akaun Penyertaan;
  - ii. Menambah Baki Purata Harian (“**BPH**”) minimum sebanyak RM3,000 dalam Akaun Penyertaan sepanjang Tempoh Kempen (ditakrifkan dalam Klausa 10 & 11);
  - iii. Mengekalkan Baki Akhir Bulan (“**BAB**”) minimum sebanyak RM3,000 pada 30 Jun 2022 (ditakrifkan dalam Klausa 9).



**Maybank**  
Islamic



**Maybank**

8. Pelanggan Yang Layak akan menerima penyertaan/penyertaan bonus (“Penyertaan”) untuk cabutan Hadiah berdasarkan jadual yang tertera berikut:

Transaksi/Activiti	Bilangan Penyertaan/ Penyertaan Bonus diterima
Setiap penambahan RM3,000 BPH sepanjang Tempoh Kempen dalam Akaun M2u.Premier, M2u Savers dan/atau Akaun Penyertaan Islamic	Dua (2) penyertaan
Setiap penambahan RM3,000 BPH sepanjang Tempoh Kempen dalam Akaun Kawanku, BSA, PSVR dan/atau GSSA	Satu (1) penyertaan
Setiap perbelanjaan RM100 dalam satu transaksi menggunakan Kad Debit (“ <b>Transaksi Kad Debit Yang Layak</b> ”, ditakrifkan dalam Klausula 12)	Satu (1) penyertaan bonus*
Pemegang Akaun Penyertaan baharu (ditakrifkan dalam Klausula 13)	Lima (5) penyertaan bonus*
<b>Pendaftaran MAE app baharu</b> (ditakrifkan dalam Klausula 14)	Lima (5) penyertaan bonus*
Setiap <b>rujukan ke MAE app yang berjaya</b> (ditakrifkan dalam Klausula 15)	Lima (5) penyertaan bonus*
Pendaftaran untuk Kempen melalui SMS atau dalam talian melalui Maybank2u (ditakrifkan dalam Klausula 16)	Lima (5) penyertaan bonus*

\*Penyertaan bonus tertakluk kepada memenuhi kriteria kelayakan yang ditakrifkan dalam Klausula 7

9. Pengiraan BAB adalah seperti berikut:

BAB = Baki tertunggak pada akhir 30 Jun 2022

10. Pengiraan penambahan BPH bagi cabutan hadiah Kempen adalah seperti berikut:

- i. Bagi akaun baharu (iaitu, akaun dibuka semasa Tempoh Kempen):

Penambahan BPH sepanjang Tempoh Kempen

$$= \frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian dari tarikh pembukaan akaun sehingga 30 Jun 2022}}{\text{Bilangan hari dari tarikh pembukaan akaun sehingga 30 Jun 2022}} - \text{Garis Dasar}$$

- ii. Bagi akaun sedia ada (iaitu, akaun dibuka sebelum Tempoh Kempen):

Penambahan BPH sepanjang Tempoh Kempen

$$= \frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian dari 1 Feb 2022 sehingga 30 Jun 2022}}{\text{Bilangan hari dalam tempoh kempen, iaitu 150 hari}} - \text{Garis Dasar}$$

11. Pengiraan Garis Dasar adalah seperti berikut:

- i. Bagi akaun baharu yang dibuka semasa Tempoh Kempen, Garis Dasar bagi Kempen adalah sifar (0).  
ii. Bagi akaun sedia ada, Garis Dasar bagi Kempen adalah BPH bagi bulan Januari 2022.

$$\text{Garis Dasar} = \text{BPH bagi bulan Jan '22} = \frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian pada bulan Jan '22}}{31 \text{ hari}}$$



12. Transaksi Kad Debit Yang Layak merujuk kepada mana-mana transaksi yang dilakukan dengan minimum RM100 mengguna mana-mana Kad Debit Maybank, kecuali kad yang telah digantung, ditamatkan atau melanggar perjanjian dengan Maybank.
13. Pemegang Akaun Penyertaan baharu merujuk kepada pelanggan tanpa mana-mana Akaun Penyertaan sebelum Tempoh Kempen yang membuka Akaun Penyertaan semasa Tempoh Kempen.
14. Pendaftaran MAE app baharu hanya terpakai untuk pelanggan yang tidak pernah log masuk ke MAE app sebelum Tempoh Kempen dan melakukan log masuk pertama ke MAE app semasa Tempoh Kempen.
15. Pelanggan Maybank sedia ada yang telah kaitkan Maybank2u ID dengan MAE app, atau yang berjaya memohon untuk Akaun MAE akan mempunyai kod rujukan tersendiri dalam bahagian Profil MAE app ("**Perujuk**"). Setelah berkongsi kod rujukan tersendiri, mana-mana pelanggan Maybank baharu/sedia ada ("**Rujukan**") yang berjaya mendaftar/log masuk ke MAE app untuk kali pertama semasa Tempoh Kempen akan dikira sebagai rujukan ke MAE app yang berjaya bagi Pemujuk.
16. Pelanggan boleh mendaftar untuk Kempen melalui dua saluran:
  - i. Melalui telefon: SMS **GROW** <ruang> **12-digit Nombor Akaun Maybank Semasa/Simpanan ke 66628**  
[Nota: Pelanggan bertanggungjawab untuk membayar caj SMS standard yang dikenakan oleh pembekal perkhidmatan telekomunikasi masing-masing bagi setiap SMS yang dihantar ke nombor **66628** yang ditetapkan bagi Kempen ini.]
  - ii. Melalui perbankan internet: Log masuk ke laman web Maybank2u, isikan borang pendaftaran Kempen yang tersedia dalam bahagian '*Apply*', dan klik **Submit**.  
[Pendaftaran Kempen atas talian melalui Maybank2u akan tersedia mulai 1 Mac 2022.]

Pelanggan hanya perlu mendaftar untuk Kempen sekali sahaja (tanpa mengira saluran) semasa Tempoh Kempen untuk mendapat lima (5) penyertaan bonus dan untuk peluang memenangi lebih hadiah. Setelah pendaftaran berjaya, sebarang pindaan dan/atau pembatalan butiran tidak akan dilayan.
17. Penyertaan daripada semua Pelanggan Yang Layak akan diambil kira secara automatik oleh sistem Maybank.
18. Melalui program pemilihan rawak Maybank, Pemenang akan dipilih daripada kumpulan Pelanggan Yang Layak ("**Pemenang**") selepas berakhir Tempoh Kempen.

### Hadiah Kempen

19. Kempen ini menawarkan Hadiah Wang Tunai seperti berikut:

	Hadiah**	Jumlah Nilai Hadiah	Jumlah Pemenang
Peringkat 1 (Pelancaran Kempen)	RM5,000 x 1 pemenang; RM100 x 100 pemenang	RM15,000	101



<b>Peringkat 2 (dari 5,001 - 10,000 pendaftaran*)</b>	<b>RM5,000 x 2 pemenang; RM100 x 200 pemenang</b>	<b>RM30,000</b>	<b>202</b>
<b>Peringkat 3 (dari 10,001 - 15,000 pendaftaran*)</b>	<b>RM5,000 x 3 pemenang; RM100 x 300 pemenang</b>	<b>RM45,000</b>	<b>303</b>
<b>Peringkat 4 (dari 15,001 - 20,000 pendaftaran*)</b>	<b>RM5,000 x 4 pemenang; RM100 x 400 pemenang</b>	<b>RM60,000</b>	<b>404</b>
<b>Peringkat 5 (20,000 pendaftaran dan ke atas*)</b>	<b>RM5,000 x 10 pemenang; RM100 x 500 pemenang; RM50 x 200 pemenang</b>	<b>RM110,000</b>	<b>710</b>

\* Pendaftaran merujuk kepada jumlah Pelanggan yang mendaftar untuk Kempen melalui SMS dan/atau dalam talian melalui Maybank2u.

\*\* Semua Hadiah akan dikreditkan selepas Tempoh Kempen – rujuk Klausula 22(i).

**20.** Selepas proses pemilihan pemenang secara rawak, Pemenang terpilih akan disusun mengikut penambahan BPH (dari tertinggi hingga terendah) dan diberikan hadiah mengikut nilai hadiah (dari tertinggi hingga terendah).

**21.** Setiap Pelanggan Yang Layak hanya berhak mendapat satu (1) hadiah.

**22.** Pengedaran Hadiah

- i.** Hadiah Kempen akan dikreditkan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas Tempoh Kempen berakhir, iaitu sebelum 30 September 2022.
- ii.** Pemenang perlu memegang sekurang-kurangnya satu (1) Akaun Penyertaan yang sah dan aktif untuk pengkreditan Hadiah Wang Tunai.
- iii.** Sebarang Hadiah Wang Tunai yang tidak berjaya dikreditkan akan dibatalkan.
- iv.** Selepas pengedaran, Maybank tidak akan bertanggungjawab lagi ke atas penggunaan hadiah.
- v.** Maybank berhak untuk menggantikan hadiah (nilai yang akan ditentukan oleh Maybank) atas sebab-sebab yang dianggap wajar oleh Maybank. Maybank akan memberitahu Pemenang melalui mana-mana cara komunikasi yang dianggap sesuai oleh Maybank.
- vi.** Hadiah akan diberi secara sedia ada (“as is” basis) dan tidak boleh dipindah milik atau ditukarkan, dan tertakluk kepada Terma dan Syarat.
- vii.** Pemenang bertanggungjawab untuk memastikan maklumat perhubungan yang disimpan dalam rekod Maybank adalah terkini.

**23.** Pemenang mungkin dikehendaki untuk menghadiri majlis penyampaian Hadiah dan/atau program publisiti lain apabila diperlukan (jika ada) dan Pemenang bersetuju untuk mendedahkan maklumat berkaitan melalui mana-mana cara yang ditentukan oleh Maybank. Kegagalan untuk menghadiri majlis penyampaian Hadiah dan/atau program publisiti lain mungkin akan menyebabkan pembatalan Hadiah.

**24.** Pelanggan Yang Layak yang menutup akaun sebelum pemilihan Pemenang dan pengkreditan hadiah diselesaikan dan dimaklumkan tidak layak menerima Hadiah Kempen ini.



25. Hanya Akaun Penyertaan yang aktif sahaja layak menyertai Kempen ini. Akaun Penyertaan dalam status tidak aktif ('dormant') tidak akan diambil kira.
26. Keputusan Maybank mengenai semua perkara berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, rayuan, bantahan atau usaha untuk mempertikaikan perkara yang sama tidak akan dilayan sama sekali.
27. Gambar Hadiah yang dipamerkan dalam iklan, promosi, dan bahan-bahan publisiti lain berkaitan dengan Kempen ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan spesifikasi sebenar mungkin berbeza.
28. Sebarang pertikaian berkaitan kualiti, kebolehdagangan dan/atau jaminan Hadiah (yang berkenaan) mesti diselesaikan antara Pemenang dengan pengedar/pembekal tanpa melibatkan Maybank. Maybank tidak bertanggungjawab atas pelanggaran kualiti atau jaminan Hadiah, atau apa-apa terma dan syarat yang berkaitan.
29. Setiap Pelanggan Yang Layak bertanggungjawab secara peribadi ke atas segala cukai, kadar, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan, di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada.
30. Jika terdapat apa-apa pertikaian (kecuali pertikaian di bawah Klausula 28) berkaitan pengedaran hadiah atau tiada penerimaan Hadiah, Pemenang dikehendaki menghubungi Perkhidmatan Pelanggan Maybank di 1300 88 6688 untuk meminta siasatan dijalankan. Permintaan terhadap apa-apa siasatan tidak akan dilayan selepas 31 Oktober 2022.

### **General**

31. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kegagalan teknikal, campur tangan, gangguan dan/atau kesalahan elektronik atau manusia dalam pengendalian dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2uBiz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat bahawa masalah bukan disebabkan oleh Maybank.
32. Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, memanjangkan atau menamatkan keseluruhan Kempen ini atau sebahagiannya dan berhak meminda terma dan syarat yang berikut dari masa ke semasa dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar. Pemberitahuan berkenaan akan disiarkan melalui laman web Maybank2u ([www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)) atau melalui kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Maybank. Pelanggan Yang Layak bertanggungjawab untuk dimaklumkan atau mendapatkan pemberitahuan sedemikian yang disiarkan secara sah.
33. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk melayari laman web Maybank2u ([www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)) secara berkala untuk membaca terma dan syarat ini dan mendapatkan penjelasan dari Maybank sekiranya mana-mana terma dan syarat tidak difahami sepenuhnya.
34. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk diikat oleh terma dan syarat serta bersetuju dan memberi kebenaran kepada Maybank untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan



**Maybank**  
Islamic



**Maybank**

Maybank, yang boleh dirujuk di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) (“Notis Privasi Kumpulan Maybank”).

Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan terma dalam Notis Privasi Kumpulan Maybank, Pelanggan Yang Layak bersetuju dan memberi kebenaran untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka bagi:

- i) tujuan Kempen ini; dan
- ii) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang media dan bahan iklan atau publisiti, seperti rakaman audio dan/atau visual yang dipaparkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media digital dan dalam talian dan Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan dan/atau penerbitan butiran yang diberikan dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu ramah, serta jawapan dan gambar berkaitan. Berkenaan ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai dalam sebarang aktiviti periklanan dan publisiti oleh Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.

- 35.** Maybank dan semua pegawai, pembantu, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk tetapi tidak terhad kepada, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat bagi tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan yang langsung, tidak langsung, khas, atau diakibatkan oleh (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah) atau berkaitan dengan Kempen ini, kecuali yang disebabkan oleh kelalaian atau pengecualian berat oleh Maybank.
- 36.** Maybank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian apa jua sifat sekalipun yang dialami oleh Pelanggan Yang Layak berkenaan dengan penyertaan dalam Kempen ini. Maybank tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kegagalan untuk melaksanakan tanggungjawab yang berkaitan dengan Kempen ini disebabkan oleh kejadian sifat ‘force majeure’, termasuk tetapi tidak terhad kepada, tindakan ‘act of God’, peperangan, rusuhan, penguncian, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Maybank.
- 37.** Maybank berhak mengikut budi bicaranya melucutkan/membatalkan/menolak kelayakan mana-mana Pelanggan Yang Layak yang tidak mematuhi Terma dan Syarat dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Kempen ini dan/atau proses atau operasi Kempen ini, termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang tipu muslihat dan/atau helah berkaitan dengan Kempen ini.
- 38.** Terma dan syarat yang dinyatakan disini berkuatkuasa mengikut Undang-Undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.
- 39.** Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklumbalas, dan/atau aduan mengenai Kempen ini, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan Maybank di talian utama 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Selain itu, untuk maklumbalas dan/atau aduan, Pelanggan Yang Layak boleh menghantar emel kepada Maybank melalui borang maklumbalas di laman web Maybank2u ([www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)).



**Maybank**  
Islamic



**Maybank**